



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Sheik tunjuk azam ingin mencuba 'kick-boxing' pula

Berita Harian, 25 January 1996, Page 12

Article also available on Microfilm Reel NL20672

Printer-Friendly Page

Sheik tunjuk azam ingin mencuba 'kick-boxing' pula

SILAT Oleh YUSOFF A. RAHMAN

SUKANNYA nyata sekali — lebih bahaya daripada silat. Namun, Sheik Alauddin Yacoob tetap ingin mencuba *kick boxing*.

Malah, isterinya, Sa'adiyah Sanuse, juga tidak merestui suaminya berkecimpung dalam kegiatan sukan itu.

Tetapi johan dunia yang berusia 29 tahun itu mempunyai alasannya sendiri.

"Ia merupakan satu peningkatan dalam pembabitian saya dalam acara seni mempertahankan diri.

"Juga, jika saya memutuskan untuk menjadi profesional, saya akan menjadi peserta Singapura pertama bertanding dalam *kick-boxing*," katanya.

Beliau mengakui bahawa sukan itu memanglah jauh lebih bahaya daripada silat.

"Dalam silat, sebagai sukan amatir, peserta dikehendaki menggunakan vest di dada dan pelapik di kawasan

kemaluan bagi mengelak daripada mengalami kecederaan pada anggota tubuh.

"Tetapi dalam *kick-boxing*, pelapik di kawasan kemaluan saja yang digunakan. Bahagian dada terdedah kepada tendangan dan tumbukan," kata beliau.

Ini bermakna, akunya lagi, sukan itu adalah lebih bahaya daripada *silat*.

"Memandangkan usia saya semakin meningkat, saya telah meletakkan matlamat untuk melakukan apa yang terdapat mungkin untuk 1996," tambah Sheik.

Sebagai permulaan, beliau mengadakan latihan *kick-boxing* di Melbourne, Australia, antara Mei dengan Jun.

"Saya ingin menyertai pertandingan semasa di sana. Itupun dengan syarat saya mendapat kebenaran daripada jurulatih yang akan melatih saya nanti," tambah Sheik.

Menurutnya, beliau tidak kenal jurulatihnya tetapi tahu bahawa beliau adalah seorang jurulatih profesional.

"Jurulatih itu ada melatih peserta profesional seperti Sam Grego," katanya.

Selain itu, Sheik, pemenang pingat emas Sukan SEA, juga telah menggariskan matlamatnya sepanjang tahun ini.

Beliau ingin mengadakan latihan di Jerman selama sebulan dan kemudian akan ke Indonesia.

Dari sana nanti, Sheik ingin pula menyertai Kejohanan *Silat* Terbuka Vietnam.

Selepas itu, beliau dijadualkan mempertahankan kejuaraannya dalam Kejohanan Sedunia — sama ada di Brunei ataupun di London.

Yang tidak kurang pentingnya ialah beliau ingin cuba menyertai Kejohanan Piala Dunia di Osaka, Jepun, yang menawarkan hadiah \$14,000 kepada pemenangnya.

"Kejohanan itu untuk para peserta yang pernah memenangi johan dunia, tidak kira dalam apa jua cabang seni mempertahankan diri.

"Saya ingin sekadar menimba pengalaman saja," kata johan dunia itu lagi.